



KENYATAAN MEDIA

MENTERI MAFI HADIR MESYUARAT MENTERI-MENTERI PERTANIAN DAN PERHUTANAN (AMAF) SECARA SIDANG VIDEO

PUTRAJAYA: Delegasi Malaysia yang diketuai oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Seri Ronald Kiandee bersama-sama dengan Timbalan Menteri I, Datuk Seri Ahmad Hamzah telah menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan (AMAF) secara sidang video, hari ini.

Mesyuarat-mesyuarat yang dihadiri adalah seperti berikut:

- i. Mesyuarat ke-42 Menteri-Menteri Pertanian & Perhutanan ASEAN (42nd AMAF);
- ii. Mesyuarat ke-20 Menteri-Menteri Pertanian & Perhutanan ASEAN Campur Tiga (20th AMAF Plus Three); dan
- iii. Mesyuarat ke-6 Menteri-menteri Pertanian & Perhutanan ASEAN dan India (6th AIMMAF).

Mesyuarat di atas diadakan bertujuan untuk membincangkan perkara berkaitan pertanian dan perhutanan di peringkat serantau. Dalam pada itu, mesyuarat ini juga akan mengesahkan cadangan-cadangan berkaitan dasar serta membuat keputusan ke atas syor-syor yang dikemukakan oleh kumpulan kerja di bawah AMAF di samping mengukuhkan hubungan serantau antara ASEAN dan rakan-rakan dialognya menerusi pelaksanaan Rangka Kerja Dasar Berkaitan Kerjasama ASEAN di dalam Makanan, Pertanian dan Perhutanan.

Delegasi Malaysia dan rakan-rakan sejawat ASEAN menerusi mesyuarat-mesyuarat di atas telah membincangkan perkara-perkara seperti berikut:

- I. Bersetuju dengan laporan kemajuan yang dibentangkan oleh Pengerusi Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan AMAF, AMAF +3 dan AIMMAF;
- II. Mengesah dan mengambil maklum sejumlah 21 dokumen dasar, program dan aktiviti yang telah disyorkan oleh Mesyuarat-mesyuarat Pegawai Kanan AMAF berkaitan Pelan Strategik berkenaan Makanan, Pertanian dan Perhutanan peringkat ASEAN;
- III. Mengesahkan program, pelan tindakan berkenaan sektor pertanian dan perhutanan serta kemajuan yang telah dilaksanakan menerusi:
 - a. Kemajuan serta pelaksanaan program di bawah Pelan Kerjasama Strategik AMAF + 3 bersama rakan dialog ASEAN iaitu China, Jepun dan Korea;
 - b. Kemajuan pelaksanaan Pelan Tindakan ASEAN-India 2016-2020; dan
 - c. Pelaksanaan Pelan Tindakan ASEAN-India 2021-2025.
- IV. Berkongsi maklumat, inisiatif serta perkara *substantif* yang telah dilaksanakan oleh negara anggota ASEAN dalam memperkukuhkan ekonomi, kesihatan, kebajikan dan keselamatan rakyat di negara masing-masing di sepanjang krisis pandemik COVID-19. Malaysia telah menyatakan bahawa Kerajaan serius dan telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memperkukuhkan kedudukan ekonomi serta menjaga kebajikan rakyat menerusi program pakej PRIHATIN dan PENJANA yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Delegasi Malaysia dan rakan sejawatnya sebulat suara menyatakan komitmen untuk meningkatkan jaminan bekalan makanan negara di rantau ini dalam

usaha untuk mengurangkan impak COVID-19 terhadap rakyat serantau.

Mesyuarat AMAF yang ke-42 ini adalah penting dalam usaha untuk menangani isu-isu keselamatan makanan di peringkat serantau. Malaysia khususnya, komited terhadap usaha menyeluruh yang ditunjukkan oleh pelbagai kumpulan kerja sektoral di bawah AMAF dalam merealisasikan rangka kerja dasar mengenai makanan, pertanian dan perhutanan. Hasil – hasil yang dipersetujui dari pertemuan mesyuarat ini akan menjadi panduan dasar bagi negara-negara anggota yang merangkumi piawai pertanian terbaik serantau yang sekaligus akan membantu menyokong isu-isu keselamatan makanan yang semakin mencabar.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
21 OKTOBER 2020**